

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK
INSURANS BERTEMPOH MENYUSUT GADAI JANJI BERKUMPULAN (HPEL)

(Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Bertempon Menyusut Gadai Janji Berkumpulan (HPEL). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Pelan ini menawarkan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh polisi 10 tahun bagi Hayat yang Diinsuranskan yang memperoleh pinjaman gadai janji dengan institusi kewangan dan ingin mendapatkan perlindungan daripada kejadian luar jangka untuk membayar balik apa-apa pinjaman gadai janji yang belum jelas. Pelan ini membayar sekaligus Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan jika anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh polisi.
 Tambahan sebanyak 20% Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan akan dibayar atas kematian akibat kemalangan.
 Pertindungan pelan ini adalah menyusut sepanjang tempoh polisi.

Pelan ini tidak menyertai dalam pengagihan keuntungan Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd (Syarikat/ Kami).

Pelan ini juga disertakan bersama dengan rider berikut:

- Family Income Benefit Rider
 Tiada rider disertakan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Pelan ini melindungi:

- Kematian - Jumlah Diinsuranskan Asal adalah seperti yang ditunjukkan di bawah dan akan menyusut sepanjang tempoh polisi; atau
 - GMRTA (HPEL) sahaja (Premium Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
 - GMRTA (HPEL) sahaja (Premium Tidak Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
 - GMRTA (HPEL) disertakan Family Income Benefit Rider (Premium Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
 - GMRTA (HPEL) disertakan Family Income Benefit Rider (Premium Tidak Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal* - Jumlah Diinsuranskan Asal adalah seperti yang ditunjukkan di bawah dan akan menyusut sepanjang tempoh polisi;
 - GMRTA (HPEL) sahaja (Premium Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
 - GMRTA (HPEL) sahaja (Premium Tidak Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
 - GMRTA (HPEL) disertakan Family Income Benefit Rider (Premium Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
 - GMRTA (HPEL) disertakan Family Income Benefit Rider (Premium Tidak Disatukan) <Jumlah yang Diinsuranskan>
- Kematian Kemalangan - Tambahan 20% daripada Jumlah Diinsuranskan yang Berkenaan akan dibayar sekaligus atas kematian akibat kemalangan.

*Catatan:

- Hayat yang Diinsuranskan yang mencapai umur 65 tahun tidak akan dilindungi bagi Manfaat HUMK.
- Had maksimum untuk manfaat HUMK adalah RM 8 juta bagi setiap hayat di bawah semua polisi pada Hayat yang Diinsuranskan yang sama.

Tempoh: Sehingga berlaku kematian, HUMK, serahan, tempoh kontrak selama 10 tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Pelan ini melindungi:

- Family Income Benefit Rider - Tambahan satu peratus (1.00%) daripada Jumlah Diinsuranskan Asal akan dibayar setiap bulan, bagi tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut apabila Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia atau HUMK.
 Tiada rider disertakan.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium tunggal yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza berdasarkan keperluan pengunderaitan Syarikat:

- Anggaran premium tunggal yang perlu anda bayar:
 - GMRTA (HPEL) sahaja (Premium Disatukan) <Premium>
 - GMRTA (HPEL) sahaja (Premium Tidak Disatukan) <Premium>
 - GMRTA (HPEL) disertakan Family Income Benefit Rider (Premium Disatukan) <Premium>
 - GMRTA (HPEL) disertakan Family Income Benefit Rider (Premium Tidak Disatukan) <Premium>

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Komisen wakil jualan:

10% daripada Premium Tunggal

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - Anda boleh membuat permintaan untuk membatalkan perlindungan insurans dalam tempoh lima belas (15) hari setelah penyerahan Sijil Insurans ini kepada anda, melalui Pemilik Polisi (institusi kewangan) dan mengembalikan Sijil Insurans kepada Syarikat. Pemilik Polisi harus memaklumkan pembatalan tersebut kepada Syarikat dengan segera untuk membatalkan perlindungan insurans anda. Syarikat akan mengembalikan premium tunggal yang dibayar tolak elaun perubatan yang ditanggung (jika ada).

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans / Polisi Induk untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Tiada sebarang manfaat akan dibayar untuk:

- **Kematian**
 - Membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Insurans;
 - keadaan kehamilan terkini pada Tarikh Kuat Kuasa Insurans, termasuk aborsi, keguguran, dan komplikasi daripada kehamilan pada pengetahuan Hayat yang Diinsuranskan.
- **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal**
 - Percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di dalam pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan semasa melibatkan diri dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, menyelam skuba dan sukan berbahaya atau pertandingan daya ketahanan;
 - Sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang atau krew untuk kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan pemegang lesen untuk perkhidmatan penumpang untuk perjalanan berjadual);
 - Pelayaran kapal selam;
 - Penglibatan Hayat yang Diinsuranskan dalam kegiatan jenayah;
 - Rusuhan dan kekecohan awam atau serangan perang, perang seperti aktiviti, revolusi, tindakan keganasan;
 - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautic;
 - Sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Kuat Kuasa Insurans;
 - Keadaan kehamilan terkini pada Tarikh Kuat Kuasa Insurans, termasuk aborsi, keguguran, dan komplikasi daripada kehamilan pada pengetahuan Hayat yang Diinsuranskan; atau
 - Tindak balas nuklear, radiasi dan kontaminasi.
- **Kematian/HUMK akibat daripada Kemalangan**
 - Sebarang bentuk masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
 - Percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di dalam pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan semasa melibatkan diri dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, menyelam skuba dan sukan berbahaya atau pertandingan daya ketahanan;
 - Sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang atau krew untuk kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan pemegang lesen untuk perkhidmatan penumpang untuk perjalanan berjadual);
 - Pelayaran kapal selam;
 - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautic;
 - Penglibatan Hayat yang Diinsuranskan dalam kegiatan jenayah;
 - Mengembalikan ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - Sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Kuat Kuasa Insurans;
 - Rusuhan dan kekecohan awam atau serangan perang, perang seperti aktiviti, revolusi, tindakan keganasan;
 - Keadaan sedia ada;
 - Hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan kemalangan); atau
 - Racun, gas, wasap (secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya, diambil, diberikan, diserap atau disedut).

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans / Polisi Induk untuk mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Institusi kewangan yang memberikan kemudahan kredit kepada anda akan menjadi Pemilik Polisi ini. Pemilik Polisi mempunyai hak untuk menyerahkan Sijil Insurans untuk mendapatkan Nilai Serahan Tunai (jika ada).

Jika anda memilih untuk menyelesaikan pinjaman anda dengan membayar balik penuh pinjaman pada tarikh yang lebih awal dari tarikh tamat tempoh asal, maka anda boleh meminta Pemilik Polisi menyerahkan Sijil Insurans untuk Nilai Serahan Tunai (jika ada) atau meneruskan perlindungan pelan ini.

Sila dimaklumkan bahawa Nilai Serahan Tunai yang akan dibayar (jika ada) akan kurang daripada premium tunggal yang telah dibayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan Kami tentang apa-apa perubahan alamat dan nombor telefon anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan *insuranceinfo* tentang 'Insurans Hayat' yang disediakan di semua cawangan Kami atau anda boleh mendapatkan satu naskhah daripada wakil jualan atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Aras Bawah, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2603 3999
Faks: 03-2161 6068
Nombor Khidmat Pelanggan: 03-2603 3999
E-mel: customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Sila tanya Kami / wakil jualan untuk pelan seumpama yang Kami tawarkan.

MAKLUMAN PENTING:

ANDA MESTILAH MEMASTIKAN BAHAWA LIABILITI KREDIT ANDA DIINSURANSKAN DALAM JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Pelan Insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <Tarikh>.